



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (28)  
Tarikh : 14 Oktober 2019

---

## SIARAN MEDIA

---

### KONVENSYEN PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2019

---

**BAYAN LEPAS, 14 OKTOBER 2019** – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berlangsung pagi ini di Pusat Konvensyen Setia SPICE, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Konvensyen ini merupakan penganjuran kali kedua oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan akan mengumpulkan seramai 3,000 orang peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis PBT dari seluruh Malaysia. Objektif utama konvensyen ini ialah sebagai platform untuk semua warga kerja PBT mendengar aspirasi Kerajaan Persekutuan terhadap pemerksaan peranan Pihak Berkuasa Tempatan serta menyediakan platform perkongsian amalan terbaik (*best practices*) berkaitan isu-isu Kerajaan Tempatan.

Konvensyen pada kali ini bertemakan 'PBT Perkasa, Rakyat Sejahtera' akan memberi fokus kepada prinsip-prinsip *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *New Urban Agenda* (NUA). Seramai 13 orang tokoh dari dalam dan luar negara akan mengupas dan meneliti isu-isu perbandaran melalui sesi pembentangan, *townhall*, perbincangan panel dan sesi rumusan.

Komponen utama dalam Program Konvensyen Pemerksaan PBT pada kali ini ialah seperti berikut:

**1. Sesi Pembentangan :**

- (i) Agenda Mampan di Malaysia
- (ii) *Local Leadership In The Commonwealth In Championing Sustainable Agenda*

**2. Sesi Town Hall :-**

- (a) Bersama YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri KPKT

Tajuk:-

- (i) *Rethinking the role of Mayors and Councilors as Urban Managers; and*
- (ii) *Gender Perspective*

(b) Sesi *Townhall* bersama YBhg. Dato' Seri Maimunah binti Mohd Sharif,  
*Executive Director of UN-Habitat*

Tajuk : *Localizing SDG and NUA and The Role of Mayors and Councillors*

### 3. Sesi perbincangan panel:

Tajuk: *City's Experience in Smart Sustainable Agenda*

Luar Negara: China

Tempatan : Seberang Perai, Melaka, Shah Alam

### 4. Sesi Rumusan Pemerksaan PBT 2019

Penganjuran konvensyen ini dijangka dapat memberikan nilai tambah dan impak yang besar kepada semua warga kerja PBT yang hadir ke arah meningkatkan sistem penyampaian PBT di masa hadapan.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat tujuh Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; 2. Jabatan Perumahan Negara; 3. Jabatan Kerajaan Tempatan; 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; 6. Institut 7. Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan empat buah syarikat iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; Urbanice Malaysia; Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : *Unit Komunikasi Korporat*  
*b.p. Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Telefon : *03-8891 5555*  
Faks : *03-8891 5557*  
E-mel : *media.ukk@kpkt.gov.my*